

# SMK Pekan Dua dipilih sekolah angkat UMS

UB 25.04.2012 B2

**A**DALAH satu tanggungjawab bersama untuk meneruskan legasi, di SMK Pekan Dua yang telah mencatat 12A pada peperiksaan SPM 2011 untuk memperlipatgandakan pencapaian cemerlang lebih daripada seorang pelajar pada masa akan datang.

Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Musbah Haji Jamli berkata, tanggungjawab untuk memperlipatgandakan

pencapaian kecemerlangan akademik dan kurikulum sesebuah institusi pendidikan di negara ini, tidak dapat dicapai dengan jayanya, sekiranya tiada kerjasama di kalangan warga pendidik, ibu bapa dan pelajar itu sendiri.

Katanya, dengan adanya pencapaian 12A di sekolah ini, menggambarkan adanya kesedaran dan tanggungjawab bersama daripada semua warga sekolah berkenaan dan berharap kerjasama yang sedia wujud dapat

dipertingkatkan lagi demi memenuhi pelbagai ruang yang perlu dibaiki.

“Negara kita pada hari ini, semakin maju dari aspek kemajuan pendidikan, sehingga tahun ini sahaja, negara kita sudah mempunyai 20 institusi pengajian tinggi awam dan lebih daripada 100 institusi pengajian tinggi swasta, peluang seumpama itu wajar direbut oleh para pelajar sehingga ke peringkat universiti,” katanya.

Beliau berkata demikian



MUSBAH (tengah) memerhati Dr. Kasim menandatangani memorandum penyerahan sekolah angkat, sambil diperhatikan oleh Matlan (dua kanan) dan yang lain.



MUSBAH (tengah) merakam gambar bersama kakitangan UMS, SMK Pekan Dua dan para pelajar.

pada Majlis Perasmian dan Penutupan Program Motivasi dan Penyerahan Sekolah Angkat SMK Pekan Dua, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2010/2011, Universiti Malaysia Sabah di Dewan SMK. Pekan Dua, pada Isnin.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (HEPA) Universiti Malaysia Sabah, Prof. Madya Datuk Dr Haji Kasim Haji Mad Mansur, Presiden MPP yang juga

pelajar UMS, Khalil Sabu dan Pengetua SMK Pekan Dua, Matlan Haji Datu Unjong.

Musbah berkata, program seumpama itu adalah selaras dengan dasar kerajaan dalam usaha memartabatkan bidang pendidikan di negara ini, sementara Kementerian Pelajaran Malaysia telah meningkatkan kualiti prasarana dan infrastruktur di sekolah-sekolah, terutamanya di kawasan luar.